

Bukti kemampuan pimpinan Islam -Dr. M

UM 27 OCT 1989

(P)

KUALA LUMPUR 26 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir m a d berkata, kejayaan Malaysia mengendalikan Mesyuarat Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) membuktikan kepada dunia 'bahawa' negara pimpinan umat Islam juga mampu melakukan apa yang negara maju bukan Islam mampu lakukan.

Menurut Perdana Menteri, kesemua Ketua Kerajaan Komanwel yang hadir bukan sahaja mengkagumi proses pembangunan dan taraf hidup rakyat, malah terpujau dengan perkembangan syiar Islam di negara berbilang kaum ini.

Kejayaan CHOGM di Malaysia, kata beliau, telah menyangkal dan menamatkan salahsangka bahawa negara Islam tidak mampu mengendalikan persidangan sebegitu besar.

Menurutnya, Malaysia bersetuju menjadi tuan rumah CHOGM untuk membuktikan bahawa sebuah negara pimpinan umat Islam juga mampu berbuat demikian.

"Kita tidak mahu mendabik dada dengan kejayaan ini tetapi ia dapat menjadi bukti bahawa negara Islam juga dapat membangun setanding atau melebihi negara maju yang kebanyakannya negara bukan Islam," katanya di majlis tahlil dan doa selamat bersama para peserta Ijtimak Ulama se-Malaysia di sini malam semalam.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dengan kejayaan CHOGM, dunia dapat membuat penilaian bahawa pimpinan Islam bukanlah berasaskan sikap diktator dan menghisap darah rakyat sepertimana yang mereka sangkakan sebelum ini.

Perdana Menteri berkata: "Ketua - Ketua Kerajaan Komanwel bukan sahaja menghormati kebolehan kita tetapi juga mulai tertarik dengan nilai - nilai keislaman yang dapat dilihat melalui tindakan kita.

"Bukan semua perwakilan CHOGM beragama Islam. Oleh itu, kemampuan kita menonjolkan nilai - nilai universal Islam dalam pembangunan negara merupakan satu kejayaan kepada Islam.

"Inilah yang dikatakan satu cara dakwah yang lebih berkesan."

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sebelum orang Is-

LIHAT MUKA 3

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Bukti kemampuan pimpinan Islam

lam berdakwah dan membawa orang lain ke pangkuan Islam, mereka hendaklah terlebih dahulu menunjuk dan membuktikan kemampuan dan kejayaan mereka sebagai orang Islam.

"Jika orang Islam hidup melarat dan tidak dapat membangunkan masyarakatnya setanding dengan kaum lain, sudah pasti mereka dipandangnya hina dan usaha menarik orang bukan Islam akan gagal," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata umat Islam di negara ini patut berbangga kerana Islam menjadi agama rasmi walaupun penduduk Islam cuma berjumlah kira - kira 50 peratus berbanding

dengan negara lain yang tidak berkemampuan berbuat demikian seperti Nigeria.

Menutnya, satu lagi salah sangka, terutama sekali di kalangan pemimpin - pemimpin negara Afrika ialah bahawa Malaysia masih mundur.

Bagaimanapun, ujar beliau, setelah sebilangan daripada mereka menuaikan sembahyang ju-maat di Masjid Saidina Othman di Bandar Tun Razak, mereka terpesona dengan keindahannya dan kagum dengan jemaah yang terdiri daripada segenap lapisan termasuk orang - orang yang terpelajar, maju dan berjaya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, Ratu Elizabeth semasa melawat Masiid Sultan Sallehudhin Shah di Shah Alam, kagum dengan keadaannya dan kejayaan membina masjid itu yang mencerminkan Islam secara material.

Dalam hubyngan ini, Perdana Menteri sekali lagi menyeru para ulama supaya lebih berani dan sanggup melakukan perubahan yang akan dikagumi oleh bukan Islam.

Beliau mahu mereka mentafsirkan ibadah dengan lebih menyeluruh dan sanggup berdepan dengan bukan Islam kerana proses dakwah yang sebenar juga melibatkan golongan bukan Islam.